

Seminar serantau IPT Islam di USIM

SEJAJAR dengan perkembangan ilmu global yang dinamik, maka wujud keperluan untuk mempunyai institusi pengajian tinggi yang mampu bergerak seiring dengan perubahan semasa, terutamanya institusi pengajian tinggi Islam.

Seterusnya, menjadi suatu harapan agar kesemua institusi pengajian tinggi Islam dapat menjadi sumber terbaik bagi menjana produk mahasiswa dengan nilai keilmuan tinggi dan menjadi model terbaik dalam menggambarkan keindahan ajaran Islam.

Bagi mencapai misi tersebut, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Universiti Sultan Islam Sharif Ali (UNISSA) Brunei dan Institut Studi Islam

Darussalam (ISID) Indonesia akan menganjurkan seminar serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI 2012) bertemakan *Towards Upholding the Grandeur of Regional Islamic Higher Education Institutions*.

Seminar yang berlangsung pada 12 dan 13 Disember ini akan diadakan di Dewan Kuliah Fakulti Quran dan Sunnah dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Nilai.

Antara objektif SeIPTI 2012 ialah mewujudkan integrasi dan membentuk kerjasama antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT), terutamanya wilayah umat Islam serantau dalam usaha melakukan pertukaran idea dan perkongsian kepakaran.

Selain itu, untuk membincangkan

bagi membentuk integrasi pelbagai ilmu dengan mengadakan diskusi ilmiah dalam membicarakan tentang cabaran dan prospek institusi pengajian tinggi Islam serantau.

Julung kali diadakan, seminar tahunan ini akan dianjurkan secara bergilir-gilir antara ketiga-tiga universiti iaitu USIM, UNISSA dan ISID serta dijangka disertai oleh seramai 200 peserta termasuk para pembentang kertas kerja.

Pengisian program SeIPTI 2012 akan melibatkan tiga ucapnama daripada ketiga-tiga universiti penganjur iaitu USIM, UNISSA dan ISID serta diskusi ilmiah antara para peserta seminar selain sebanyak 73 kertas kerja akan dibentangkan dalam empat sidang selari. Ia akan

dirasmikan oleh Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Abdullah Md. Zin.

Semua pemikir, ahli akademik, penyelidik, pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli badan agama Islam negara-negara serantau dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam adalah dijemput untuk menyertai seminar ini.

Maklumat lanjut mengenai seminar ini boleh didapati dengan melayari <http://seipti2012.usim.edu.my/> atau menghubungi Pengarah SEIPTI 2012, Dr. Zulkiple Abd Ghani (067988403/0196601014) atau setiausaha seminar, Suria Hani A. Rahman (067988261/013-3908829) untuk maklumat lanjut.